

25/08/1998

Usaha wujud pelancongan perubatan

Mohd Zin Ali

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Kesihatan yakin kerjasama erat Jabatan Imigresen mampu menjayakan rancangan menjadikan Malaysia sebagai negara pelancongan perubatan, kata Menteri, Datuk Chua Jui Meng.

Menurutnya, selain mempunyai teknologi perubatan canggih, tenaga terlatih mencukupi dan kos perubatan yang rendah, orang ramai biasanya menimbangkan faktor masa untuk mendapatkan rawatan.

Sehubungan itu, katanya, langkah Jabatan Imigresen melaksanakan sistem laluan khas kepada pesakit dan keluarga mereka di setiap pintu masuk ke negara ini baru-baru ini, memang dialu-alukan.

"Adalah tidak wajar jika pesakit yang ingin mendapatkan rawatan di negara ini perlu beratur bersama pelancong lain, sedangkan dalam masa sama kita mempromosikan negara sebagai negara pelancongan perubatan," katanya selepas melancarkan perkhidmatan Radioterapi dan Radiosurgeri Stereotaktik di Pusat Perubatan Pantai (PMC), di sini, hari ini.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Hospital Pantai Berhad, Mokhzani Mahathir.

Perkhidmatan stereotaktik adalah kaedah merawat barah otak menggunakan radiasi yang tidak menyakitkan pesakit serta tidak memerlukan mereka tinggal di dalam wad.

Selain mengadakan laluan khas, Chua berkata, Jabatan Imigresen juga akan memberikan keutamaan kepada pesakit dan keluarga mereka dalam mempercepatkan proses memperbaharui visa yang tamat tempoh jika pesakit masih menerima rawatan di hospital.

"Mereka juga boleh memperbaharui visa tanpa perlu datang ke pejabat Imigresen, cukup hanya diwakili oleh saudara maranya."

"Selain itu, Jabatan Imigresen juga sudah menyatakan kesediaan mengeluarkan visa selama 10 tahun kepada warga tua rakyat asing yang ingin menghabiskan masa bersara di negara ini.

"Dengan peluang ini, mereka datang ke negara ini untuk melarikan diri daripada musim sejuk di negara masing-masing atau melawati tempat menarik yang ada di negara ini," katanya.

Sementara itu, Chua berkata Kementerian Kesihatan juga sudah merancang mengadakan perkhidmatan stereostatik di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada hujung tahun ini yang dijangka siap dua atau tiga bulan lagi dengan perbelanjaan RM2 juta.

Menurutnya, Hospital Universiti di Petaling Jaya juga akan mempunyai perkhidmatan yang sama selewat-lewatnya akhir tahun ini. Ketika ini, sebuah hospital swasta di Melaka sudahpun memilikinya.

(END)